

# Ijazah kehormat untuk Dr M

**BH 31/10/2003 - B13 PRECISE**

SINTOK: Universiti Utara Malaysia (UUM) akan menganugerahkan Ijazah Doktor Kehormat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai mengenang jasa beliau dalam pembangunan universiti itu.

Naib Canselornya, Datuk Dr Ahmad Fawzi Mohd Basri berkata, anugerah itu akan disampaikan kepada Dr Mahathir pada majlis Konvensyen Kemomeratif sempena sambutan 20 tahun UUM, pada tahun depan.

Beliau berkata, sumbangan Dr Mahathir kepada negara dan UUM khususnya amat besar ertinya kerana tanpa beliau, Sintok yang dahulunya tempat bertapaknya sarang komunis tidak akan bertukar menjadi pusat sumber ilmu yang berjaya melahirkan ribuan graduan setiap tahun.

"Persaraan Dr Mahathir esok (hari ini) amat memilukan warga kampus ini kerana tenaga beliau masih diperlukan lagi.

"Namun kami berterima kasih dan menghargai sumbangan beliau kerana membangunkan universiti ini sehingga menjadi universiti pengurusan yang cemerlang.

"Pihak universiti amat bangga kerana dipilih dan diberi kepercayaan oleh kementerian untuk menubuhkan Institut Pemikiran Dr Mahathir.

"Kami akan lakukan yang terbaik dan sentiasa menjaga imej sebagai universiti pengurusan yang diilhamkan oleh Perdana Menteri," katanya.